



جَابَتْ قِنْدِي بِقِنْدِي كَرِي قَدِجْ دَرِ الْإِمَانِ

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM  
05604 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

No. TELEFON : 04-740 4000  
No. FAKS : 04-740 4342  
LAMAM WEB : www.jpnd.moe.gov.my/jpnkedah

"KEDAH AMAN MAKMUR. BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI"

Ruj. Kami : JPK.03-11/3368(80)

Tarikh : 7 Oktober 2015

Semua Ketua Sektor  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Semua Pengetua dan Guru Besar  
Negeri Kedah Darul Aman

Tuan,

**KEPERLUAN MEMENUHI LATIHAN TUJUH (7) HARI SETAHUN BAGI WARGA KERJA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan surat siaran daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Ruj. KPMSP.500-6/8/4(30) bertarikh 30 September 2015 untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya.
3. Jabatan, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang tidak memenuhi syarat latihan akan diberikan Surat Tunjuk Sebab. Pegawai yang tidak cukup latihan dan penyelia berkenaan akan dikenakan tindakan dengan mengurangkan jumlah markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) masing-masing.
4. Kerjasama dan keprihatinan tuan memberi keutamaan berkaitan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"

Saya yang menurut perintah

(MUKHAMAD AZALAN SHAH BIN AHMAD)  
Penolong Pengarah Kanan  
Unit Latihan dan Kemajuan Staf  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah





Ruj. Kami: KPMSP.500 -6/8/4 ( 30 )  
Tarikh: 30 September 2015

EDARAN KEPADA SEMUA SEPERTI DI LAMPIRAN

KSC2P

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

4/10


KEPERLUAN MEMENUHI LATIHAN TUJUH (7) HARI SETAHUN  
BAGI WARGA KERJA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

K. UC Cahibani/  
P. Khandan / M. P. S. H.  
U. K. P. L. A. T. I. A.  
J. U. L.  
G. W.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang digariskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2005 telah menekankan keperluan semua warga kerja memenuhi **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari latihan**. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bersidang pada 10 September 2015 juga turut memberikan penekanan mengenai keperluan latihan dengan menetapkan bahawa ia menjadi sebahagian daripada KPI Ketua Jabatan/Bahagian. Keputusan juga diambil semasa Mesyuarat tersebut agar pemantauan berkala dilakukan. Mana-mana Jabatan/Bahagian yang tidak memenuhi syarat latihan akan diberikan Surat Tunjuk Sebab. Pegawai yang tidak cukup latihan dan penyelia berkenaan akan dikenakan tindakan dengan mengurangkan jumlah markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) masing-masing.

3. Sehingga bulan Ogos 2015, adalah diperhatikan bahawa prestasi latihan warga KPM masih kurang membanggakan. Dalam keadaan ekonomi semasa, kerjasama semua Ketua Jabatan/Bahagian juga adalah dipohon untuk mengambil inisiatif bagi meningkatkan prestasi kehadiran latihan melalui pelaksanaan program seperti sesi pementoran, pembacaan buku, perkongsian ilmu, EPSA dan lain-lain pendekatan secara *blended training approach*. Semua bentuk latihan ini perlu direkodkan ke dalam Sistem Pengurusan Latihan (SPL) KPM selaras dengan Pekeliling



JR-03-11/3368



Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014: Penggunaan Sistem Pengurusan Latihan (SPL) KPM yang telah berkuatkuasa pada 7 November 2014.

4. Mengikut rekod SPL KPM sehingga 15 Ogos 2015, sejumlah 26,200 atau lima (5) peratus warga kerja KPM masih belum mendapatkan sebarang bentuk latihan untuk tahun ini. 12,372 atau 14.58 peratus adalah dari kalangan pegawai Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) dan 13,826 atau 3.15 peratus adalah dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Hanya 22,377 atau 26.38 peratus daripada PBG dan 233,092 atau 53.08 peratus daripada PPP telah melengkapkan keperluan latihan masing-masing. Butiran mengikut Jabatan dan Bahagian adalah seperti dilampirkan.

5. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan/Bahagian adalah dimohon memastikan warga kerja masing-masing mendapat latihan sewajarnya dan memastikan perekodan dilaksanakan secara berterusan. Semoga dengan kerjasama semua, KPM akan berjaya memenuhi keperluan kursus warga kerja yang sentiasa dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

6. Segala kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan berikan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SEHATI SEJIWA”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(JAMIL BIN RAKON)**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia